



Ruj. Kami : ANM (S) NS.253 Jld. 6 ( 01 )

Tarikh : 18 Mei 2020

**PENGARAH  
SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB  
SEMUA PUSAT PEMBAYAR  
KERAJAAN PERSEKUTUAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

YBhg. Dato' / Tuan,

**PERMOHONAN PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(a)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan emel Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP), Jabatan Akauntan Negara Malaysia bertarikh 5 Mei 2020.

2. Adalah dimaklumkan, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan PB1.2 yang menetapkan seperti berikut :

*"Para 9.1*

*.... Semua bil dan tuntutan yang perlu dibayar di bawah maksud Arahan Perbendaharaan 58(a) sekiranya perlu dikemukakan untuk kelulusan Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan hendaklah dikemukakan sebelum 30 April 2020."*

3. Untuk makluman pihak YBhg. Dato' / Tuan, penetapan tarikh tersebut adalah sebagai panduan agar pembayaran di bawah AP58(a) boleh dikawal dan dipantau sewajarnya memandangkan tuntutan tersebut dibayar menggunakan peruntukan tahun semasa. Selain itu, penetapan tarikh akhir permohonan AP58(a) itu juga bertujuan untuk mengelakkan isu teguran audit yang berbangkit setiap tahun iaitu pembayaran AP58(a) yang lewat diproses.

4. Selaras dengan PB1.2 tersebut, Perbendaharaan Malaysia menetapkan bahawa setiap kementerian sewajarnya mempunyai *Standard Operating Procedures* (SOP) masing-masing dalam mengawal isu pembayaran di bawah AP58(a). **Sehubungan itu, semua PTJ adalah dipohon untuk memastikan pembayaran di bawah AP58(a) dikemukakan ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Sembilan sebelum 30 April setiap tahun.** Permohonan pembayaran di bawah AP58(a) selepas 30 April hendaklah dirujuk kepada *Budget Review Officer* (BRO) melalui Bahagian Kewangan atau Bahagian Akaun Kementerian masing-masing.

4. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Dato' / Tuan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'***

Saya yang menjalankan amanah,



**( MOHAMAD NOR AZAM BIN SABTU C.A.(M) )**

Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Sembilan